

CCTV pantau amah, penjenayah

Kesibukan kerja seharian menjadi faktor utama kebanyakan ibu bapa terpaksa mengupah amah untuk menguruskan kerja di rumah termasuklah menjaga anak mereka. Pada kebiasaannya, pembantu yang diupah adalah terdiri daripada warga Indonesia yang diambil melalui agensi.

Kes dera bayi meningkat

Apa yang mendukacitakan, kes penderaan bayi dan kanak-kanak kian meningkat. Saban tahun, ada sahaja laporan akhbar yang mendedahkan tingkah laku segelintir pembantu rumah yang tidak berperikemanusiaan.

Antara kes hangat yang diperkatakan baru-baru ini ialah penderaan kes dera bayi berusia empat bulan menerusi kamera litar tertutup (CCTV) yang berlaku di Kuantan membabitkan amah Indonesia yang menghempas dan melambung sembilan kali seorang bayi hingga mengalami kecederaan pada lengan kanan dan kiri.

Nina Suraya, ibu kepada bayi tersebut bertindak segera selepas menyedari kelakuan zalim amah berkenaan terbongkar melalui rakaman CCTV di telefon bimbit suaminya.

Kejadian seterusnya pula

membabitkan bayi berusia 15 bulan yang turut menjadi mangsa amah warga Indonesia. Dalam kes ini, ibu mangsa membuat kenyataan bahawa dia mengambil iktibar daripada kes majikan memasang CCTV untuk mengesan kelakuan pembantunya dan terkejut selepas mendapati anaknya juga turut menjadi mangsa dera.

Secara teorinya, menjaga anak sendiri adalah langkah terbaik untuk memastikan anak lebih selamat dan terjamin. Namun, disebabkan bilangan besar ibu bapa sekarang masing-masing mempunyai kerjaya, perkara tersebut tidak mungkin dapat

“
Pemasangan CCTV tidak hanya memfokuskan kepada pemantauan terhadap pembantu rumah sahaja, bahkan ia perlu untuk mengawal kes jenayah yang lain seperti pecah rumah”

diaplikasikan. Justeru, dalam kes ini, masyarakat tidak boleh menuding jari terhadap ibu bapa ini kerana keperluan bekerja menjadi penghalang kepada mereka untuk menjaga anak sendiri, bahkan terpaksa menggaji pembantu rumah bagi tujuan tersebut.

Iktibar kes berlaku

Bagaimanapun, mereka harus memikirkan alternatif lain dan mengambil iktibar melalui kes tadi sebagai langkah pengawasan dan keselamatan seperti CCTV di rumah.

Pada zaman yang penuh ujian ini, sudah tentu CCTV dilihat sebagai satu keperluan untuk membantu ibu bapa meninjau atau mengawasi pembantu rumah mereka supaya kes penderaan ini dapat dielakkan. Dengan adanya alat ini, sedikit sebanyak mengurangkan kerisauan ibu bapa untuk meninggalkan anak mereka sepanjang tempoh mereka bekerja. Kepercayaan sepenuhnya tidak seharusnya diberikan kepada pembantu rumah kerana khuatir ia akan mengundang tragedi yang tidak diingini dan kes yang berlaku sebelum ini terus berulang.

Pemasangan CCTV tidak hanya memfokuskan kepada pemantauan terhadap pembantu rumah sahaja, bahkan ia perlu untuk mengawal kes je-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bharian.com.my**.

nayah yang lain seperti pecah rumah yang semakin meningkat. Jurucakap polis, ACP Ramli Mohamed Yoosuf, berkata terdapat banyak kes rakaman CCTV berfungsi sebagai alat pembantu untuk memberkas penjenayah dan menyelesaikan kes.

Elak sesal kemudian hari

Menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan keselamatan anak mereka terjamin dan terpelihara. Sebarang kemungkinan boleh berlaku tanpa kesedaran kita sendiri. Justeru, ambil iktibar dan pengajaran daripada kes berkenaan sebagai langkah pengawasan agar tidak timbul rasa sesal kemudian hari, ibarat kata pepatah ‘sudah terhantuk baru tergadah’.

Che Husnirulhuda Hussin

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.